

04 JUL 1996

PM JUMPA TENGGU RAZALEIGH SELEPAS LAWATAN KE LUAR NEGARA

TELUK INTAN, 4 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menemui Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah selepas kembali daripada lawatan ke luar negara bermula 16 Julai ini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mempunyai kesempatan untuk menemui Tengku Razaleigh sekarang kerana terlalu banyak urusan rasmi seperti lawatan beberapa ketua negara ketika ini.

"Saya tak dapat berjumpa kerana banyak pelawat datang. Saya akan berjumpa dengan dia selepas saya balik daripada luar negeri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan di Felcra Seberang Perak di sini hari ini.

Baru-baru ini Tengku Razaleigh dilaporkan berkata keputusan sama ada S46 akan terus kekal dalam Angkatan Perpaduan Ummah atau tidak bergantung kepada hasil pertemuan beliau dengan Dr Mahathir.

Pertemuan itu dijadualkan semalam tetapi dibatalkan kerana Perdana Menteri mempunyai jadual yang terlalu ketat berikutan lawatan beberapa pembesar asing.

Dr Mahathir akan melawat Kyrgyzstan dari 16 hingga 18 Julai dan seterusnya ke Kazakhstan dari 18 hingga 20 Julai ini. -- BERNAMA

AH MAI